

**SKIM PERKHIDMATAN  
JURUTERBANG/PEMERIKSA JURUTERBANG**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENGANGKUTAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**GRED JAWATAN/GAJI : AT41, AT43/44, AT47/48, AT51/52, AT53/54**  
**TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) Lesen Juruterbang Perdagangan dan *Instrument Rating* yang diiktiraf oleh Kerajaan serta mempunyai sekurang-kurangnya 500 jam pengalaman penerbangan sebagai *Pilot in Command* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AT41: RM2,532.00); atau
    - (ii) Kategori C - *Captain Transport Aircraft* dengan mempunyai pengalaman penerbangan 750 jam dari Tentera Udara Diraja Malaysia dan *Instrument Rating* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AT41: RM2,532.00); atau
    - (iii) Lesen Penerbangan Komersil dan *Instrument Rating* (CPL/IR) dan 1500 jam penerbangan dan memiliki 250 jam pengalaman pesawat *Twin Engine* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AT41: RM2,756.88).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN TERUS  
KE JAWATAN JURUTERBANG/  
PEMERIKSA JURUTERBANG  
GRED AT43, AT47, AT51 ATAU  
AT53**

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT43, AT47, AT51 atau AT53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
  - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1 dan 2;
  - (b) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan

- (c) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan.  
(Gaji permulaan lantikan pada Gred AT43: RM3,610.00/  
Gaji permulaan lantikan pada Gred AT47: RM5,210.00/  
Gaji permulaan lantikan pada Gred AT51: RM5,858.00/  
Gaji permulaan lantikan pada Gred AT53: RM6,181.00).
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- TEMPOH PERCUBAAN**
- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN/PENILAIAN**
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED AT44**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED AT48**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
  5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
  6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan/penilaian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan;
    - (c) lulus peperiksaan/penilaian yang ditetapkan; dan
    - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
  10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
  11. Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT44 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
    - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
    - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  12. Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT43/44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
    - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
    - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED AT52**

13. Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED AT54**

14. Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE KUMPULAN PENGURUSAN  
TERTINGGI**

15. Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang Gred AT53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Juruterbang/Pemeriksa Kapal Terbang yang berkuat kuasa pada 1.1.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2012).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMERIKSA KAPAL TERBANG**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENGANGKUTAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**GRED JAWATAN/GAJI : AT41, AT43/44, AT47/48, AT51/52, AT53/54**  
**TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (penerbangan, elektrik atau elektronik) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AT41: RM2,532.00); atau  
  
(ii) *Aircraft Maintenance Engineer's Licence* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AT41: RM2,532.00).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pemeriksa Kapal Terbang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**SYARAT LANTIKAN TERUS KE  
JAWATAN PEMERIKSA KAPAL  
TERBANG GRED AT43, AT47,  
AT51 ATAU AT53**

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT43, AT47, AT51 atau AT53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
  - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1 dan 2;
  - (b) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan

- (c) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan.  
(Gaji permulaan lantikan pada Gred AT43: RM3,610.00/  
Gaji permulaan lantikan pada Gred AT47: RM5,210.00/  
Gaji permulaan lantikan pada Gred AT51: RM5,858.00/  
Gaji permulaan lantikan pada Gred AT53: RM6,181.00).
- PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**
- TEMPOH PERCUBAAN**
- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA**
- PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED AT44**
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED AT48**
5. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
6. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
7. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda atau kursus-kursus lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
9. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda atau kursus lain yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
10. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
11. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
12. Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT44 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT43/44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED AT52**

14. Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED AT54**

15. Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE KUMPULAN PENGURUSAN  
TERTINGGI**

16. Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pemeriksa Kapal Terbang yang berkuat kuasa pada 1.1.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2012).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEMERIKSA KAPAL TERBANG**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PENGANGKUTAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**  
**GREJAWATAN/GAJI** : **A29, A36, A38, A40**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) diploma dalam bidang kejuruteraan (aeronautik, elektrik, elektronik atau mekanikal) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Grej A29: RM1,943.57); atau  
(ii) bekas anggota polis atau tentera udara yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya yang telah:
    - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
    - (b) mempunyai pengalaman dalam bidang penyelenggaraan *air-frame*, enjin, elektrik, instrumen atau radio kapal terbang; dan
    - (c) lulus Peperiksaan Khas anjuran Jabatan Penerbangan Awam Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Grej A29: RM1,943.57).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Grej C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Grej A29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA/PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED A36**

10. Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A36 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED A38**

11. Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A38 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED A40**

12. Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A40 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEMERIKSA KAPAL TERBANG GRED AT41**

13. Penolong Pemeriksa Kapal Terbang yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pemeriksa Kapal Terbang Gred AT41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pemeriksa Kapal Terbang yang berkuat kuasa pada 2.1.2011 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2010).



**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PENGANGKUTAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**GRED JAWATAN/GAJI** : **A41, A44, A48, A52, A54**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: RM2,325.00); atau
    - (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred A41: RM2,635.65).
  - dan (d)
    - (i) Kejujian dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains serta Kejujian Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
    - (ii) lulus Ujian Kecenderungan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik;
    - (iii) lulus pemeriksaan doktor untuk memastikan bahawa calon mempunyai tubuh badan yang sihat, pendengaran yang baik, penglihatan yang terang dan boleh mengenal dan membezakan warna seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan
    - (iv) tamat dengan jayanya kursus praperkhidmatan di Kolej Penerbangan Awam, Malaysia dalam bidang Area Control dan mendapat *Area Control Rating*.

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d); dan

- (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- TEMPOH PERCUBAAN**
- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED A44**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED A48**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred A41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
  5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
  6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
  10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
  11. Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred Gred A44 yang kosong apabila telah:
    - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
    - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  12. Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A48 yang kosong apabila telah:
    - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED A52**

13. Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED A54**

14. Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE KUMPULAN PENGURUSAN  
TERTINGGI**

15. Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Kawalan Trafik Udara yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PENGANGKUTAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**  
**GRED JAWATAN/GAJI** : **A29, A36, A38, A40**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM1,943.57).
  - dan (d) (i) Kepujian dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains serta Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
  - (ii) lulus Ujian Kecenderungan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik;
  - (iii) lulus pemeriksaan doktor untuk memastikan bahawa calon mempunyai tubuh badan yang sihat, pendengaran yang baik, penglihatan yang terang dan boleh mengenal dan membezakan warna seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan
  - (iv) tamat dengan jayanya kursus praperkhidmatan di Kolej Penerbangan Awam, Malaysia dalam bidang *Aerodrome Control* dan mendapat *Aerodrome Control Rating* serta bidang *Approach Control* dan mendapat *Approach Control Rating*.

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred A29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA**

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED A36**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED A38**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED A40**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
10. Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A36 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
11. Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A38 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A40 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEGAWAI KAWALAN TRAFIK  
UDARA GRED A41**

13. Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI LAUT**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PENGANGKUTAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**GRED JAWATAN/GAJI** : **AL41, AL44, AL48, AL52, AL54**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c)
    - (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,429.00); atau
    - (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang *nautical studies* yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,531.88); atau
    - (iii) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,531.88); atau
    - (iv) ijazah dalam bidang arkitek laut yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,739.43); atau
    - (v) *Chief Mate of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,739.43); atau
    - (vi) *Second Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,739.43); atau

(vii) *Master of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM3,154.55); atau

(viii) *Chief Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM3,154.55).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Laut adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Laut Gred AL41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred AL41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.



**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED AL44**

11. Pegawai Laut Gred AL41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred AL44 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
